

## Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang

*Youth Views on Socioeconomic and Political Issues in the Area of State Legislative Assembly of  
Peramu Jaya, Pekan, Pahang*

Balqis Farhana Ismayuddin

<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

e-mail koresponden: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun telah memberi tanggungjawab baru yang besar kepada belia di Malaysia. Hak mengundi ini telah membuka ruang bagi golongan ini untuk menilai, bersuara dan memilih bagi Pilihan Raya Umum (PRU) yang akan datang. Perkara ini turut mengukuhkan lagi peranan golongan belia dalam menentukan dan membentuk masa depan negara. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis pandangan belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data berdasarkan soal selidik, temu bual, pemerhatian lapangan, kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Data-data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25. Hasil kajian mendapati 68 peratus responden belia di kawasan kajian mengambil tahu mengenai isu sosioekonomi dan politik. Seterusnya, 38 peratus responden menyatakan bahawa media merupakan faktor yang mempengaruhi pandangan mereka dan 92 peratus responden bersetuju penggunaan media sosial seperti Whatsapp, Facebook dan lain-lain menarik minat mereka untuk mengambil tahu isu sosioekonomi dan politik. Di samping itu, 78 peratus responden bersetuju bahawa pandangan mereka terhadap isu sosioekonomi dan politik memberi kesan terhadap pilihan politik mereka. Kesimpulannya, kepentingan kajian ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, data tambahan dan sebagai rujukan kepada pihak berkaitan mengenai kelompok belia khususnya dalam bidang politik dan pilihan raya di Malaysia.*

**Kata kunci:** belia, parti politik, pilihan raya, sosioekonomi, partisipasi politik

### ABSTRACT

*The amendment to the 18 years old voter eligibility age has given a huge new responsibility to the youths in Malaysia. This right to vote has opened up space for this group to evaluate, speak and vote for the next General Election (GE). This also strengthens the role of the youth in determining and shaping the future of the country. Therefore, it is the purpose of writing this paper to analyze the views of youth on socioeconomic and political issues in the Peramu Jaya state legislative assembly constituency, Pekan, Pahang. This study uses data collection methods based on questionnaires, interviews, field observations, library research and online research. The data obtained were then analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25. The results of the study found that 68 percent of youth respondents in the study area were aware of*

*socioeconomic and political issues. Next, 38 percent of respondents stated that media is the factor that influencing their views and 92 percent of respondents agreed the use of social media such as Whatsapp, Facebook and others attracted their interest to take note of socioeconomic and political issues. In addition, 78 percent of respondents agreed that their views on socioeconomic and political issues affect their political choices. In conclusion, the importance of this study can increase knowledge, additional data and as a reference to relevant parties on youth groups, especially in the field of politics and elections in Malaysia.*

**Keywords:** *youth, political parties, elections, socioeconomics, political participation*

## 1. Pengenalan

Sejak dengan perkembangan masa dan teknologi di dunia, golongan belia pada masa kini lebih lantang melontarkan pandangan mereka mengenai isu politik dan sosioekonomi dalam media sosial selain mampu melaksanakan solidariti apabila berkeperluan. Hal ini dilihat mampu membawa kepada perubahan positif kerana majoriti rakyat Malaysia akan terlibat dalam bidang politik dan pentadbiran negara. Menurut Junaidi et al. (2012), belia merupakan golongan dalam peringkat umur seseorang itu berubah dari seorang yang bergantung (*dependent*) kepada seorang yang berfikir dan bertindak kepada seorang yang bebas (*independent*). Golongan belia juga adalah golongan yang paling aktif menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara kerana mereka adalah golongan muda yang perlu bekerja untuk menyara atau mengubah nasib keluarga dalam era yang kian mencabar ini. Tanggungjawab mereka juga semakin berat apabila berlaku pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun bagi PRU yang akan datang sehingga menimbulkan buah mulut orang ramai iaitu masing-masing mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai isu belia ini. Ada yang beranggapan bahawa golongan belia masih belum bersedia untuk mengundi manakala sebahagiannya lagi beranggapan bahawa ini adalah peluang bagi golongan belia untuk terlibat secara langsung dalam urusan pentadbiran negara kerana pada suatu masa yang akan datang merekalah individu yang akan menggantikan pemimpin negara.

Kerajaan Negeri Pahang melihat ini sebagai inisiatif yang baik kerana dapat mengetengahkan lebih ramai pemimpin daripada golongan muda. Negeri Pahang juga lebih terkehadapan dalam memberi peluang dan ruang kepada golongan muda dalam melontarkan pandangan dan pendapat menerusi saluran yang telah disediakan (Ain Nadhirah 2022). Perkara ini juga tidak terkecuali di kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang yang semakin pesat membangun dari segi ekonomi dan amat dikenali sebagai kubu pertahanan kepada Barisan Nasional (BN). Walaupun begitu, tahap dan faktor penglibatan golongan belia disini masih tidak diketahui. Hal ini menjadikan kawasan DUN Peramu Jaya sebagai sebuah kawasan yang amat menarik untuk dikaji. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk ini untuk menganalisis pandangan belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang.

## 2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur merupakan ulasan yang dilakukan daripada bahan ilmiah utama seperti artikel jurnal, tesis, buku, kertas prosiding atau penerbitan yang berkaitan dengan penulisan kajian. Ulasan ini telah ditapis bagi mendapatkan permasalahan kajian yang akan dikaitkan dalam susunan penulisan ilmiah. Ulasan ini bertujuan untuk menyokong penulisan kajian serta mengenalpasti lompong berkaitan

dengan kajian yang dijalankan. Antara subtopik yang terkandung dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada kajian politik pilihan raya di luar negara, dalam negara dan di negeri Pahang.

## **2.1 Kajian Mengenai Politik dan Belia Luar Negara**

Kann et al. (2007) dalam kajiannya yang bertajuk “The Internet and youth political participation” menunjukkan bahawa kemudahan internet telah memberi peluang dan ruang kepada para belia di Amerika untuk melibatkan diri dalam politik. Para belia juga secara tidak langsung dapat terlibat dalam wacana umum. Internet dalam talian juga membolehkan sumber maklumat politik didapati dengan mudah dan menjimatkan kos. Namun begitu, pengkaji turut menekankan bahawa penyertaan politik Amerika yang dirangsang oleh pertumbuhan internet mesti diredukan kerana ruang maya bukanlah ruang sebenar untuk berpolitik. Walau bagaimanapun, tanggungjawab masih terletak kepada orang muda sendiri untuk menentukan penggunaan kemudahan ini sebagai peluang di dalam talian di samping meneroka politik sebenar luar talian.

Kajian yang dilakukan oleh Bakker et al. (2011) iaitu “*Good news for the future? Young people, Internet use, and political participation*” menunjukkan penemuan daripada tinjauan nasional bahawa golongan belia menggunakan internet secara dalam talian untuk penyertaan politik manakala mereka jarang menggunakan media tradisional untuk tujuan itu. Kepelbagaiannya kegunaan internet juga mempunyai kaitan positif dalam bentuk penyertaan politik yang berbeza. Hubungan antara kebanyakan penggunaan media tradisional dan penyertaan politik pula adalah lemah. Pengkaji juga dapat menunjukkan bagaimana konsep penyertaan politik dengan menggunakan internet yang lebih luas dan kontemporari dapat membantu negara dalam mencapai wawasan mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Keating & Meli (2017) pula bertajuk “*Social media and youth political engagement: Preaching to the converted or providing a new voice for youth?*” menunjukkan bahawa sebahagian golongan belia di Britain tidak menggunakan media sosial untuk tujuan berpolitik. Sebilangan daripada mereka pula menyatakan pendapat atau pandangan mengenai politik di media sosial tetapi kurang melibatkan diri dalam penglibatan yang berorientasikan institusi dalam talian seperti mengikuti ahli politik atau kumpulan politik. Pengkaji melihat perbezaan ini adalah disebabkan sumber sosio-demografi atau kepentingan politik masing-masing. Kepentingan politik inilah yang mendorong penglibatan politik secara atas talian dan bukannya sumber pendidikan atau sosioekonomi mereka. Pengkaji turut menyimpulkan bahawa sosial media boleh menyediakan peluang baru namun masih tidak dapat menarik perhatian golongan ini untuk terlibat dalam politik.

## **2.2 Kajian Mengenai Politik dan Belia Dalam Negara**

Kajian dalam negara oleh Junaidi (2019) iaitu “Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia”, beliau menyatakan bahawa kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 merupakan suatu keputusan yang dilihat sebagai ‘luar biasa’. Hal ini kerana parti pakatan pembangkang tersebut telah berjaya meranapkan penguasaan Barisan Nasional (BN) terhadap Kerajaan Malaysia sejak 63 tahun yang lalu. Hasil kajian mendapati bahawa kemenangan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti tekad yang tinggi untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta

pengundi baru/muda dan juga faktor perang persepsi. Faktor ini akhirnya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU-14.

Mohd Fuad et al. (2012) dalam kajiannya yang bertajuk “Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011” mendapati bahawa isu pembangunan dijadikan modal kemenangan BN manakala pembangkang pula mengetengahkan isu kenaikan harga bahan api dan harga barang dalam kemenangan mereka. Pengkaji turut menyatakan bahawa parti pembangkang menggunakan siri ceramah politik dan risalah mereka untuk memanipulasi isu tanah *Native Costumary Right* (NCR) dan rasuah serta kepemimpinan Ketua Menteri Sarawak. Pengundi muda di kawasan DUN Sarawak juga bersetuju aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara namun banyak lagi perkara yang perlu dilakukan bagi mendapatkan sokongan mereka. Belia juga bersetuju Indeks Petunjuk Prestasi KPI untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan serta gagasan yang dibawa oleh kerajaan iaitu “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” perlu dihayati oleh golongan muda.

Kajian Noor, Rozaimy & Sharifah (2012) pula bertajuk “Persepsi Golongan Belia mengenai Personaliti, Pentadbiran dan Dasar Najib Tun Razak” mendapati golongan belia kini semakin matang dalam membincangkan hal atau isu semasa politik. Hasil kajian pengkaji turut mendapati bahawa majoriti belia memberikan pandangan yang positif terhadap Najib Tun Razak yang telah menyediakan banyak peluang dalam bidang pendidikan dan pekerjaan. Namun, majoriti belia memberikan pandangan negatif terhadap Najib Tun Razak mengenai tugasnya menangani rasuah, kroni dan nepotisme dan juga mengawal harga barang di negara ini. Justeru itu, pengkaji turut menyatakan bahawa belia di Malaysia pada hari ini mempunyai kesedaran terhadap personaliti, pentadbiran dan dasar awam oleh Najib Tun Razak dengan mempunyai pandangan yang berbeza berdasarkan perkara yang diutarakan oleh pengkaji di dalam penyelidikan ini.

### **2.3 Kajian Mengenai Politik Negeri Pahang**

Nor Shafika (2018) dalam kajian senario politik pilihan raya dalam PRU-14 di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang mendapati bahawa persepsi dan partisipasi responden di kawasan adalah berbeza-beza berdasarkan kepelbagaiannya latar belakang demografi dan sosioekonomi mereka. 50.0 peratus di kawasan kajian dikenal pasti bergiat aktif berpartisipasi dalam politik dengan mendengar ceramah politik yang dianjurkan semasa kemenangan pilihan raya. Pandangan mereka dalam politik tempatan ini juga dipengaruhi oleh sumber maklumat politik yang disampaikan dan 32.0 peratus responden menyatakan penggunaan media alternatif merupakan satu medium baru untuk mendapatkan sumber maklumat berkaitan politik kerana media ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja dan 37.0 peratus responden menyatakan bahawa mereka paling mempercayai sumber maklumat politik daripada media elektronik. Dari segi sokongan kepada parti politik pula, majoriti responden menyatakan keyakinan rakyat terhadap pemimpin sedia telah terhakis dan jangkaan perubahan besar dalam politik tanah air akan berlaku pada PRU-14.

Muhamad Nadzri (2019) dalam kajiannya yang bertajuk “Pesaingan PRU ke-14 di Pahang: Pengekalan status quo melalui pertembungan tiga penjuru” mendapati bahawa strategi pertembungan tiga penjuru ini telah dapat mengekalkan status quo di Pahang, namun corak pengundian tersebut telah menolak BN di negeri itu adalah hampir sama di negeri Semenanjung yang lain. Oleh itu, kerusi BN di Pahang khasnya kerusi DUN semakin berkurangan dengan ketara dalam PRU-14.

Persaingan tiga penjuru juga telah mengelakkan BN daripada kalah teruk di peringkat parlimen dan dapat mempertahankan kedudukannya sebagai kerajaan negeri di negeri Pahang.

Nurul Izzatie (2019) dalam kajian “Gelagat politik dalam Pilihan Raya Umum ke-14, 2018: Kajian kes di kawasan DUN (N.36) Pelangai, Bentong, Pahang” mendapati bahawa pengundi di kawasan tersebut lebih dominan dalam menyokong parti politik yang sudah lama memegang pemerintahan iaitu Barisan Nasional (BN). Pertukaran Kerajaan Persekutuan yang jatuh kepada Pakatan Harapan (PH) sedikit sebanyak mempengaruhi pengundian di DUN Pelangai namun BN masih dapat mengekalkan kedudukan. Kerajaan Negeri masih dipegang oleh BN kerana kepercayaan pengundi terhadap parti yang boleh membawa kemajuan kepada negeri. Kebajikan rakyat juga dijaga serta perkhidmatan yang ditawarkan dapat memuaskan hati rakyat. Kebangkitan PH dalam PRU kali ini memberi kesan terhadap kepimpinan BN dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Untuk memenangi pilihan raya akan datang BN dan PAS perlu mengambil inisiatif dengan membuat satu gabungan supaya dapat mengambil semula tumpuk pemerintahan negara.

Khalida Najwa (2021) dalam kajian yang bertajuk “Keperluan pengundi untuk mengundi di kawasan tempat bekerja: Kajian kes di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tras, Raub, Pahang” menjelaskan bahawa responden lebih mempercayai sumber maklumat daripada media online/sosial iaitu dengan jumlah sebanyak 46 peratus responden. Responden juga memilih kriteria parti politik yang paling utama adalah parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan iaitu ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah. Responden berpendapat bahawa mengundi di tempat bekerja akan menjimatkan masa dan kos. Selain itu, 76 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘Kerajaan negeri Pahang berjaya menangani penularan wabak pandemik Covid-19 dengan baik’. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak kerajaan dan parti politik dalam memahami denyut nadi rakyat.

### 3. Metodologi

#### 3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikumpulkan menerusi edaran soal selidik, temu bual dan pemerhatian lapangan. Bagi mendapatkan maklumat daripada 50 orang responden, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 25 orang responden di kawasan Daerah Mengundi Bandar Pekan dan 25 orang responden di kawasan luar bandar iaitu Daerah Mengundi Peramu Jaya. Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik berkenaan adalah berbentuk terbuka dan tertutup.

Selain itu, kaedah temu bual dilakukan bagi memperoleh maklum balas daripada setiap informan mengenai kajian yang dijalankan. Bentuk soalan temu bual disediakan adalah berbentuk terbuka serta memerlukan pendapat daripada informan. Pemilihan informan ini berdasarkan penglibatan aktif informan dalam politik di DUN Peramu Jaya, Parlimen Pekan, Negeri Pahang. Menerusi temu bual ini, pengkaji telah menemu bual dua orang informan dari golongan pemimpin belia iaitu setiap lokasi temu bual adalah berbeza seperti di pejabat parti politik dan restoran.

Seterusnya, kaedah pemerhatian di lapangan merupakan teknik penyelidikan yang paling banyak digunakan oleh para pengkaji. Pemerhatian lapangan yang digunakan adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu pemerhatian penglibatan dan pemerhatian temu bual. Pemerhatian yang dilakukan adalah berdasarkan perubahan politik, ekonomi, pembangunan setempat dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian.

Tambahan lagi, pengkaji turut menggunakan data Statistik Pengundi bagi mendapatkan maklumat berdasarkan kepada aspek kaum, jantina dan umur. Aspek kaum meliputi kaum Melayu, Cina, India, Bumiputra Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli dan lain-lain, manakala aspek umur adalah daripada 21 tahun hingga 90 tahun ke atas mengikut Daerah Mengundi di DUN Peramu Jaya. Manakala, rujukan daripada score sheet keputusan PRU 2018 adalah berdasarkan bahagian pilihan raya negeri N.21 Peramu Jaya.

Di samping itu, pengumpulan data sekunder boleh didapati daripada sumber bertulis dan sumber yang sedia ada daripada terbitan kerajaan ataupun agensi tertentu. Terdapat dua kaedah yang telah dilakukan bagi mengumpulkan data sekunder menerusi kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Perpustakaan merupakan tempat paling utama bagi memperoleh data dan maklumat daripada buku, majalah, jurnal, kertas seminar, laporan bulanan dan tahunan kerajaan yang telah disediakan. Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) merupakan pustaka yang sering dikunjungi oleh pengkaji dan akhbar yang menjadi rujukan antaranya ialah Berita Harian, Harian Metro dan Sinar Harian.

Pengkaji mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian politik yang dilakukan. Antaranya adalah melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar online, blog, aplikasi *Whatsapp*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *Telegram*, *Youtube* dan lain-lain. Pengkaji juga membuat pembacaan dan rujukan daripada bahan bacaan secara atas talian seperti *Google Scholar*, *Academia* dan lain-lain.

### **3.2     *Analisis Data***


Bagi proses menganalisis data, pengkaji menggunakan perisian *Statistics Package for Sosial Science* (SPSS) bagi mengambil kira kekerapan dan peratusan daripada 50 borang soal selidik yang telah diedarkan. Penggunaan kaedah ini akan memudahkan pengkaji memberi penerangan berdasarkan kajian yang dijalankan agar mudah difahami oleh pembaca. Perisian SPSS ini sememangnya mempunyai banyak kelebihan kerana ia dapat menganalisis pelbagai jenis data serta dapat menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat.

### **3.3     *Kawasan Kajian***

Peramu Jaya merupakan sebuah kawasan yang paling membangun dan maju di sekitar kawasan Parlimen Pekan. Kemudahan dan pembangunan ekonomi yang semakin rancak menjadikan kawasan ini sering sibuk dengan jumlah kenderaan saban hari. Sektor ekonomi di kawasan DUN Peramu Jaya lebih tertumpu kepada ekonomi perindustrian. Jenis industri yang dijalankan disini adalah automotif dan berkaitan. Peningkatan sektor ekonomi ini dapat dilihat apabila kluster automotif merangkumi kawasan seluas 131.5 hektar. Syarikat automotif utama dunia seperti Daimler Chrysler AG telah melabur kira-kira RM100 juta ke atas kemudahan pemasangan tanda aras di Pekan. Hal ini telah menjadikan Peramu Jaya sebagai lokasi pemasangan nombor satu di Malaysia yang menghasilkan kereta berkualiti tinggi dan julat terbesar pemasangan model tempatan. Pengeluar automotif tempatan iaitu DRB-Hicom adalah peneraju pada barisan hadapan dalam aktiviti perindustrian di kawasan ini. Kira-kira RM 1 bilion juga telah dilaburkan oleh DRB-Hicom dengan rakan kongsinya untuk menghasilkan 480,000 buah kereta. Selain itu, kompleks ini juga merupakan tempat produksi bertaraf antarabangsa seperti Mercedes-Benz, Isuzu, Suzuki, Mitsubishi dan Daewoo.

Dari segi geografi pilihan raya, DUN Peramu Jaya (N.21) merangkumi 15 kawasan Daerah Mengundi iaitu Kampung Lamir, Tanah Putih, Mengkasar, Serandu, Peramu Jaya, Pahang Tua,

Shahbandar, Kampung Langgar, Kuala Pahang, Kelat Rendang, Kampung Marhum, Pulau Jawa, Ketapang, Bandar Pekan, Pasir Panjang dan Sungai Miang (Lihat Rajah 1). Kawasan DUN ini diwakili oleh YB Dato' Sri Haji Sh Mohamed Puzi Sh Ali yang telah menang pada PRU-14 yang lalu. Bilangan pemilih yang berdaftar di DUN Peramu Jaya adalah seramai 32,457 orang. Mengikut data statistik kaum yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia pada tahun 2018, jumlah pemilih teramai adalah daripada kaum Melayu iaitu seramai 29,957 orang, diikuti Cina 1,086 orang, kaum India pula berjumlah 381 orang, Bumiputera Sabah seramai 30 orang, Bumiputera Sarawak seramai 24 orang, Orang Asli 643 orang dan kaum lain berjumlah 336 orang. Berdasarkan data statistik ini juga, didapati bahawa bilangan pemilih perempuan adalah lebih ramai berbanding jumlah pemilih lelaki pemilih perempuan ialah 16,459 orang (50.71 peratus) manakala lelaki 15,998 orang (49.29 peratus). Data statistik mengikut umur pemilih di DUN Peramu Jaya pula menunjukkan jumlah pemilih yang paling ramai adalah dalam kalangan pemilih yang berumur 30-39 tahun iaitu seramai 8,801 orang manakala golongan terendah pula adalah daripada golongan yang berumur 90 tahun ke atas iaitu seramai 80 orang sahaja. Justeru itu, pemilihan kawasan kajian iaitu DUN Peramu Jaya adalah disebabkan daya tarikan pengaruh politik yang kuat dan aktiviti sosioekonominya yang unik dan berpengaruh.



RAJAH 1. Peta kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta (PW) Parlimen Pekan, Pahang, SPR 2018

#### 4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif kajian yang berkaitan dengan pandangan belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. Objektif berkenaan penting bagi mengkaji tahap penglibatan belia di kawasan kajian di samping dapat mengetahui pandangan belia mengenai isu sosioekonomi dan politik yang sedang berlaku.

##### 4.1 Ambil Tahu Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan Responden

Berdasarkan kepada analisis kajian, didapati bahawa 68 peratus responden ambil tahu mengenai isu sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya. 18 peratus responden pula menyatakan bahawa mereka tidak pasti manakala 14 peratus pula tidak ambil tahu mengenai isu tersebut. Jumlah peratusan responden yang ambil tahu mengenai isu tersebut berada pada tahap yang baik dan tertinggi. Hal ini kerana sikap ambil tahu terhadap isu sosioekonomi dan politik adalah penting untuk diambil tahu kerana ianya melibatkan pengetahuan mengenai perkembangan ekonomi dan politik semasa di sesebuah kawasan. Landskap politik juga akan berubah mengikut perkembangan semasa dan menjadi tanggungjawab rakyat untuk ambil tahu tentang apa-apa sahaja isu yang berkaitan. Peratusan ambil tahu yang tinggi ini juga adalah disebabkan kemudahan teknologi masa kini seperti internet dan media sosial. Responden gemar mendapatkan maklumat daripada kemudahan tersebut kerana terdapat juga laman web berita semasa seperti Harian Metro, Sinar Harian dan Berita Harian yang memudahkan lagi untuk mereka mengakses maklumat mengenai isu sosioekonomi dan juga politik. Mereka turut boleh membahaskan isu tersebut menggunakan aplikasi *Whatsapps*, *Twitter* dan juga *Instagram* bersama ahli keluarga atau rakan-rakan. Sikap ambil tahu juga akan memudahkan mereka untuk menentukan pilihan parti politik pada PRU yang akan datang.

Sebahagian belia pula menganggap bahawa isu sosiekonomi dan politik adalah terlalu rumit sehingga menyebabkan mereka memilih untuk menyatakan mereka tidak pasti dan tidak ambil tahu. Hal ini berpunca daripada isu hangat ahli parti politik yang tidak berhenti menggunakan peranan media demi kepentingan masing-masing sehingga menyebabkan responden sukar untuk mengejar perkembangan isu terkini. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masa untuk ambil tahu isu tersebut kerana terdapat perkara lain yang lebih penting untuk diambil tahu seperti urusan pembelajaran dan pekerjaan. Mereka lebih memilih untuk mementingkan hal atau kepentingan diri sendiri dahulu daripada menjerumuskan diri mereka ke dalam kedua-dua isu tersebut yang tidak membawa kebaikan secara langsung dalam hidup mereka. Perkara ini juga tidak menghairankan kerana rakyat masa kini juga sudah muak dengan isu semasa berkaitan sosieokonomi dan politik yang tidak mempunyai penghujungnya kerana masalah rakyat juga masih tidak dapat diselesaikan.

Berdasarkan temu bual dengan Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim (Ketua Lajnah Politik & Pilihan Raya Dewan Pemuda PAS Kawasan Pekan), beliau menyatakan bahawa:

“Orang Pekan ini mereka nak katakan kesedaran politik 100% itu tidak tapi mereka ambil tahu daripada media sosial, surat khabar bercetak dan daripada media tv elektronik”.

(Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim, 22 Mac 2022)

#### **4.2 Keadaan Sosioekonomi dan Politik di Kawasan Responden**

Hasil analisis kajian mendapati bahawa 86 peratus responden menyatakan keadaan sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya adalah stabil manakala 14 peratus lagi responden menyatakan bahawa keadaan adalah tidak stabil. Jika dilihat secara keseluruhannya, responden yang menyatakan keadaan sosioekonomi dan politik yang stabil adalah tertinggi. Dari sudut sosioekonomi pembangunan yang dijalankan di kawasan ini seperti pembinaan kawasan automotif, kawasan tumpuan ekonomi di kawasan bandar dan tumpuan kawasan pelancongan memberikan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk disini. Keadaan ekonomi disini juga dipengaruhi oleh geografi fizikalnya dimana kawasan Bandar Pekan mempunyai Sungai Pahang yang membolehkan penduduk disini mempunyai produk perikanan ikan sangkar seperti ikan Patin dan Talapia. Produk perikanan ini jugalah yang menjadi sumber pendapatan utama bagi komuniti nelayan disini. Dari sudut politik, Pekan kekal menjadi kubu parti BN sehingga kini. Persaingan bagi BN pula hanyalah PAS yang kuat di bahagian kawasan luar bandar. Kedua-dua parti ini sudah amat sebatи di kawasan ini sehingga tidak menimbulkan banyak percanggahan politik yang mampu mengganggu ketenteraman politik disini. Maka tidak hairanlah jika majoriti daripada responden memilih untuk menyatakan keadaan sosioekonomi dan politik disini adalah stabil. Walau bagaimanapun, terdapat responden yang menyatakan keadaan disini adalah tidak stabil. Belia yang memilih kenyataan ini adalah mereka yang mahukan sudut ekonomi dan politik yang mempunyai perubahan. Segelintir daripada mereka turut merasakan isu hangat parti BN atau UMNO sebagai perkara yang menjadikan ketidakstabilan sosioekonomi dan politik disini. BN juga sudah lama memerintah disini sehingga tidak banyak perubahan di kawasan responden. Justeru itu, responden yang memilih kenyataan ‘tidak stabil’ hanya mahukan perubahan baru yang membawa kepada banyak kebaikan yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat.

Berdasarkan temu bual dengan Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim (Ketua Lajnah Politik & Pilihan Raya Dewan Pemuda PAS Kawasan Pekan), beliau menyatakan bahawa: “Dari segi ekonomi di parlimen Pekan boleh dikatakan sederhana dan tidak begitu pesat seperti Bandaraya Kuantan tetapi tidaklah terlalu mundur. Kerana Pekan merupakan bandar diraja dan boleh dikatakan sebagai pinggir bandar. Kecendurungan orang-orang Pekan ini mereka lebih cenderung kepada Barisan Nasional. BN dan UMNO disebabkan sejarah disini iaitu Al Marhum Tun Razak yang merupakan bekas Perdana Menteri dan anak beliau Dato’ Sri Najib Razak juga merupakan bekas perdana menteri. Jadi orang Pekan ni mereka lebih cenderung kepada parti BN”

(Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim, 22 Mac 2022)

#### **4.3 Isu Sosioekonomi Yang Selalu Dibincangkan di Kawasan Kajian**

Berdasarkan kepada analisis kajian, didapati bahawa 72 peratus responden sering membincangkan isu seperti pemulihan ekonomi, harga barang, inflasi dan kos sara hidup. Isu ini menjadi isu yang sering dibincangkan kerana manusia perlu membeli barang keperluan seperti makanan untuk meneruskan hidup mereka. Jikalau harga barang terus meningkat dan inflasi berlaku maka rakyat yang akan menanggung akibatnya. Mereka turut perlu memikirkan soal kos sara hidup kerana responden di kawasan kajian tinggal di kawasan yang sedang membangun menjadikan kos sara hidup mereka lebih tinggi. Perbincangan mengenai isu ini adalah menerusi media sosial iaitu rata-rata belia sering berkongsi ilmu pengurusan kewangan yang baik disebabkan gemelut ekonomi iaitu

harga barang semakin meningkat saban hari. Belia juga berharap bahawa kerajaan mengeluarkan dasar yang mampu memulihkan semula ekonomi Malaysia.

JADUAL 1. Isu sosioekonomi yang selalu dibincangkan di kawasan kajian (Peratus Ya)

1.	Pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup	72	9.	Isu air	32	17.	Isu jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar	18
2.	Isu peluang pekerjaan	60	10.	Isu jalan raya	32	18.	Isu tanah	18
3.	Isu COVID-19	58	11.	Isu kemudahan infrastruktur/awam	32	19.	Isu jurang pendapatan antara kaum	12
4.	Isu pembangunan setempat	48	12.	Isu liputan internet	32	20.	Isu perlombongan bauksit	6
5.	Isu petempatan atau perumahan	42	13.	Isu pendidikan	30			
6.	Isu banjir	36	14.	Isu masalah sosial	28	21	Lain-lain, nyatakan: _____	
7.	Isu alam sekitar	36	15.	Isu kestabilan dan perpaduan	26		_____	
8.	Isu kebersihan	34	16.	Isu perhubungan dan pengangkutan	24		_____	

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, 60 peratus responden pula sering membincangkan mengenai isu peluang pekerjaan. Isu ini merupakan isu yang paling ditakuti oleh golongan belia. Kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan menyukarkan kehidupan mereka walaupun mereka sudah mencapai tahap pendidikan yang tinggi seperti ijazah sarjana muda. Rata-rata mereka juga khuatir dengan keberangkalian menjadi graduan yang menganggur kerana masalah ekonomi dan peluang pekerjaan yang amat terhad. Masalah ini bertambah buruk apabila berlakunya pandemik COVID-19 kerana penularan pandemik COVID-19 telah mendorong majikan untuk mengurangkan tawaran pekerjaan kepada graduan sebagai salah satu langkah untuk mengawal aliran kewangan syarikat. Justeru itu, peluang pekerjaan yang terhad dan didorong dengan faktor lain seperti COVID-19 menjadikan isu peluang pekerjaan sebagai isu yang sering dibincangkan oleh belia di kawasan responden.

Seterusnya, 58 peratus responden telah memilih isu COVID-19 sebagai isu yang sering dibincangkan. Perkara ini tidak menghairankan kerana wabak COVID-19 telah menjelaskan kehidupan manusia secara menyeluruh. Rakyat perlu mengubah keadaan hidup kepada ‘norma baharu’ dengan pemakaian pelitup muka apabila berada di luar kawasan rumah. Kes harian yang semakin meningkat dengan jumlah kematian saban hari menjadikan isu COVID-19 sebagai isu yang paling ditakuti. Kerajaan mengambil langkah dengan memberikan vaksin COVID-19 secara percuma kepada rakyat dan ini pula membawa kepada banyak pandangan atau pendapat yang berbeza kerana terdapat golongan pro vaksin dan anti vaksin. Sehingga hari ini, topik COVID-19 kekal trending di media sosial dan menjadi isu perbahasan oleh golongan belia.

Tambahan lagi, 48 peratus responden juga sering membincangkan mengenai isu pembangunan setempat. Perkara ini adalah sejajar dengan kawasan DUN Peramu Jaya yang semakin pesat membangun. Telah banyak pembangunan dilakukan termasuklah ruang tumpuan ekonomi automotif, kawasan rekreasi dan hotel bertaraf 4 bintang. Sebelum ini, kawasan tumpuan pembangunan daerah Pekan hanya ditempatkan di kawasan Bandar Pekan sahaja sehingga Dato' Seri Najib menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-6. Pembangunan dari semasa ke semasa yang dilakukan

menjadikan kawasan Peramu Jaya menjadikan kawasan tersebut semakin sibuk dengan peningkatan jumlah kenderaan dan pembinaan bangunan yang dapat diberi manfaatnya kepada penduduk di sekitar.

Akhir sekali adalah isu petempatan atau perumahan iaitu 42 responden memilih isu ini sebagai isu yang sering dibincangkan oleh golongan belia. Isu ini merupakan isu yang menunjukkan belia disini mengambil berat tentang isu semasa kerana isu petempatan dan perumahan merupakan isu yang sering dibincangkan oleh orang dewasa. Kawasan petempatan yang dibangunkan perlu mengikut kepada penilaian impak alam sekitar kerana dikhawatirkan akan menjadikan alam sekitar yang seterusnya menyebabkan kepada kejadian banjir. Isu perumahan pula adalah mengenai harga rumah yang terlalu mahal di kawasan kajian. Banyak perumahan baru telah dibangunkan akan tetapi harga yang diletakkan adalah terlalu mahal sehingga terdapat kawasan taman perumahan yang sehingga kini tiada penghuni. Hal ini menyebabkan para belia disini sedar bahawa isu kawasan petempatan dan perumahan perlu dipandang serius kerana kegagalan untuk mengetahui isu tersebut boleh menyebabkan belia rugi dari banyak aspek seperti aspek kewangan.

#### **4.4 Isu Politik Yang Selalu Dibincangkan di Kawasan Kajian**

Berdasarkan kepada analisis kajian, isu politik yang selalu dibincangkan di kawasan kajian oleh golongan belia adalah isu rasuah iaitu sebanyak 66 peratus. Isu rasuah merupakan isu yang serius diperdebatkan tidak kira secara maya atau bukan maya. Kebanyakan kes rasuah di Malaysia melibatkan pemimpin dan golongan elit sehingga mencecah puluhan bilion hingga menjadikan rakyat semakin miskin serta golongan terpinggir tidak akan dapat pembelaan. Malaysia juga dikatakan semakin rosak akibat rasuah berskala besar (Diana Azis 2022). Amalan rasuah ini jika tidak dibendung akan mengakibatkan banyak masalah sosial selain dapat mengancam kesejahteraan negara. Golongan belia mengambil berat mengenai isu ini kerana ia melibatkan imej negara kita pada peringkat antarabangsa.

JADUAL 2. Isu politik yang selalu dibincangkan di kawasan kajian (Peratus Ya)

1.	Isu rasuah/salah guna kuasa	66	9.	Isu kepimpinan negeri	22	17.	Isu MOU antara kerajaan pusat dengan PH	8
2.	Isu kepimpinan negara	64	10.	Isu Dato' Seri Anwar	20	18.	Isu pilihan raya DUN Sabah	4
3.	Isu Kerajaan Pahang	48	11.	Isu PRU-15	18	19.	Isu pilihan raya DUN Sarawak	4
4.	Isu Dato' Seri Najib	44	12.	Isu PH	18	20.	Isu muafakat Nasional	4
5.	Isu dalaman UMNO	26	13.	Isu lompat parti	16	21.	Isu pilihan raya DUN Melaka	2
6.	Isu Tun Dr. Mahathir	26	14.	Isu Tan Sri Muhyiddin Yassin	14	22.	Lain-lain, nyatakan: _____	
7.	Isu peralihan Kerajaan PN ke kerajaan BN +PN	26	15.	Isu dalaman PAS	12		_____	
8.	Isu kepimpinan setempat/kampung	24	16.	Isu Perikatan Nasional	12		_____	

Sumber: Soal selidik 2022

Selain itu, 64 peratus responden turut memilih isu kepimpinan negara. Rakyat meletakkan jangkaan yang tinggi terhadap kepemimpinan Perdana Menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Ismail

Sabri Yaakob dalam menguruskan tekanan tiga krisis utama meliputi kesihatan, ekonomi dan politik. Situasi negara yang kian meruncing akibat peningkatkan mendadak kes harian COVID-19 ditambah pula dengan keadaan ekonomi yang kian merundum menjadikan isu kepimpinan negara menjadi topik bualan utama oleh golongan belia hingga kini. Perbicangan mengenai isu ini turut memperlihatkan bahawa golongan belia seperti sudah bersedia untuk memilih pemimpin mereka pada PRU yang akan datang.

Seterusnya, 48 responden memilih isu Kerajaan Pahang. Ini berikutan daripada isu yang perlu ditangani oleh kerajaan dengan kadar segera seperti pembalakan haram dan masalah pengurusan air. Belia mahukan Kerajaan Negeri Pahang lebih cakna dengan isu semasa yang berlaku sekarang. Kejadian pembalakan haram ini dapat dikesan apabila berlaku kejadian seperti kayu balak yang bertaburan dan hanyut sehingga berlonggok di sungai. Hal ini seterusnya menambahkan lagi kesan buruk banjir apabila aliran sungai terhalang oleh kayu balak dan cebisan kayu. Masalah air juga sering berlaku sehingga menyebabkan ketidakselesaan penduduk untuk melakukan rutin harian. Justeru itu, adalah menjadi harapan golongan belia agar kerajaan negeri menjalankan siasatan segera dengan lebih telus dan mengambil tindakan tegas terhadap isu di Negeri Pahang demi kesejahteraan rakyat.

Tambahan lagi, 44 peratus responden memilih isu Dato' Seri Najib. Dato' Seri Najib amatlah sebatи dengan rakyat khususnya di kawasan Pekan sendiri. Belia di Pekan berpeluang untuk bertemu secara langsung dengan beliau terdapat hari perayaan atau program yang dianjurkan. Isu yang diperdebatkan mengenai Dato' Seri Najib sudah pasti menjadi topik perbualan mereka seperti topik hangat pada masa kini iaitu kes 1MDB. Golongan belia cakna dengan kes rasuah Dato' Seri Najib dan masing-masing mempunyai pandangan dan pendapat mereka sendiri. Sebahagian mereka percaya bahawa Dato' Najib merupakan pemimpin yang bagus namun terpalit dengan skandal besar sehingga menjatuhkan kepercayaan rakyat Malaysia terhadap beliau dan juga sekaligus menjatuhkan parti BN pada PRU-14.

Akhir sekali, 26 responden memilih isu Tun Dr. Mahathir. Tun Dr. Mahathir merupakan sebuah tokoh berpengaruh dunia dan pernah dua kali menyadang jawatan sebagai Perdana Menteri di Malaysia. Golongan belia melihat Tun Dr. Mahathir sebagai insan luar biasa kerana berjaya menerajui gabungan parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan untuk memenangi pilihan raya umum ke-14. Tun Dr. Mahathir juga pernah meletak jawatan sebagai Perdana menteri pada tahun 2020 sehingga menggemparkan keadaan politik Malaysia pada masa itu. Belia melihat Tun Dr. Mahathir mempunyai pengaruh yang besar dan sering membahaskan tindak tanduk beliau sebagai satu strategi yang berkesan untuk mencapai matlamat beliau sejak dari dahulu lagi.

#### **4.5 Faktor yang Mempengaruhi Persepsi Responden Mengenai Isu Sosioekonomi dan Isu Politik**

Arus pemodenan yang seiring dengan kemajuan teknologi komunikasi iaitu golongan belia kini diperhadapkan kepada banyak pilihan untuk mengakses maklumat baik melalui media konvesional seperti media cetak mahupun media elektronik yang paling berkembang dengan begitu pesat iaitu media sosial. Media sosial menjadi pilihan dominan daripada anak muda sebagai faktor yang mempengaruhi pandangan mereka mengenai isu politik dan isu sosioekonomi. Ruang media inilah yang menjadi medium bagi memudahkan sebaran maklumat iaitu setiap informasi boleh diakses tanpa sekatan. Sumber maklumat diperoleh mereka akan mempengaruhi pemikiran politik semasa tanpa mengira maklumat yang dibaca adalah baik atau buruk. Maklumat ini turut digunakan untuk

menilai keadaan sosioekonomi dan prestasi sesebuah parti atau calon. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian oleh Fatimah & Ali (2015) yang menyatakan bahawa media baru disokong sebagai ruang demokrasi maklumat dan belia aktif dalam partisipasi politik secara *online* dan juga *offline*.

Selain itu, faktor ini turut dipengaruhi oleh perasaan minat. Tahap minat amat mempengaruhi seseorang untuk mendalami kefahaman ideologi sesebuah parti politik dan sosioekonomi. Keadaan ini mendorong mereka untuk menyertai aktiviti ceramah politik, kursus politik, mesyuarat politik setempat serta mendengar kempen parti oleh parti pembangkang. Perasaan ini turut mendorong mereka untuk lebih banyak mengakses maklumat daripada media konvesional dan membeli buku yang bertemakan ilmu pengetahuan am. Mereka juga secara langsung akan mempunyai banyak kenalan baru dengan minat yang sama untuk membahaskan isu sosioekonomi dan politik. Impaknya, mereka akan lebih mengenali ahli politik dan keadaan isu semasa berbanding belia lain untuk membuat pemilihan yang tepat pada PRU-15 yang akan datang.

Berdasarkan temu bual dengan Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim (Ketua Lajnah Politik & Pilihan Raya Dewan Pemuda PAS Kawasan Pekan), beliau menyatakan bahawa:

“Dari segi ekonomi kita nak lihat pemimpin wakil-wakil rakyat disini, sekiranya mereka dapat meningkatkan ekonomi rakyat dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dari segi politik, pemimpin perlu melihat penduduk di kawasan luar bandar yang kurang pendedahan mengenai kepentingan politik. Penduduk di luar bandar juga enggan menjerumuskan diri mereka di dalam bidang politik. Ini bercanggah dengan ajaran islam kerana politik itu sebahagian daripada Islam. Kita juga mahukan pemimpin yang amanah dan berintegriti kerana rakyat semakin sedar mengenai isu sosioekonomi dan politik”.

(Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim, 22 Mac 2022)

Tambahan lagi, faktor sistem pendidikan turut menjadi tunjang persepsi belia terhadap isu sosioekonomi dan isu politik. Pendidikan merupakan kunci kejayaan terhadap sesuatu perkara dan Malaysia kini sedang mempraktikkan sistem pendidikan yang menyeluruh dari segala aspek kehidupan termasuklah isu semasa bagi menggalakan lagi untuk pelajar mencari ilmu tambahan dan melahirkan kumpulan belia yang terpelajar. Jika dilihat pada peringkat universiti, pelajar telah didedahkan dengan aktiviti politik kampus dan bidang sosioekonomi. Ini secara tidak langsung telah mendedahkan kepada mereka mengenai bagaimana proses politik berlaku pada peringkat nasional dan meningkatkan kesedaran mereka tentang perlunya penglibatan belia dalam menentukan masa depan negara.

#### **4.6 Isu Sosioekonomi dan Politik Yang Berlaku Menggalakkan Responden Berfikir Mengenai Pentingnya Peranan Responden Untuk Memberikan Pandangan**

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dijalankan, didapati bahawa 90 peratus responden bersetuju bahawa isu sosioekonomi dan politik yang berlaku menggalakkan responden berfikir mengenai pentingnya peranan responden untuk memberikan pandangan, manakala 10 peratus responden pula memilih bahawa mereka tidak pasti. Era modenisasi kini menjadikan maklumat mudah diperoleh termasuklah isu semasa. Isu sosioekonomi dan politik yang dibangkitkan pula merupakan isu panas yang mendesak rakyat untuk memberikan pandangan mereka. Perbalahan antara ahli politik yang tiada penghujungnya dan corak permainan yang diatur sendiri menyebabkan belia berasa kecewa dan tidak lagi mempercayai sistem demokrasi. Isu yang dapat dilihat adalah menerusi isu ‘kerajaan pintu

belakang' iaitu istilah ini digunakan bagi menggambarkan penubuhan kerajaan bukan melalui cara biasa iaitu melalui pilihan raya. Masalah dengan 'kerajaan pintu belakang' dapat dilihat menerusi masalah dari sudut moral politik khususnya jika dikaitkan dengan mandat rakyat. Rakyat telah memberikan mandat kepada gabungan kerajaan melalui PRU dan perubahan tumpuk kerajaan tersebut boleh terjadi jika mempunyai elemen rasuah. Rasuah terjadi dalam bentuk wang sogokan, janji jawatan dan janji membebaskan daripada tuduhan mahkamah. Hasilnya, kerajaan pada masa kini bukanlah kerajaan yang diinginkan oleh rakyat. Kemarahan rakyat juga dapat dilihat menerusi media sosial iaitu rata-rata pengguna menggunakan *hashtag* kerajaan pintu belakang iaitu mereka menolak konsep tersebut diaplikasikan di Malaysia. Jadi belia melihat bahawa isu ini sebagai isu yang serius bagi mereka melibatkan diri untuk memberikan pandangan agar kerajaan sedar bahawa isu tersebut menimbulkan kemarahan mereka dan tidak wajar dilakukan.

Isu sosioekonomi dan politik yang berlaku pada masa kini membuatkan mereka berpandangan bahawa mereka golongan yang tidak terlalu penting dan juga terdapat segelintir isu yang tidak memerlukan pemahaman mereka sehingga mereka berada dalam posisi tidak pasti. Hal ini mungkin berlaku disebabkan keadaan huru-hara politik yang berterusan sehingga menyebabkan kekecewaan dalam kalangan belia terhadap pemimpin politik. Kekecewaan ini pula seterusnya akan membuatkan belia tidak lagi peduli dan enggan menyuarakan pendapat mereka. Jika hal ini berterusan maka ahli politik akan terus dapat melakukan apa-apa sahaja tanpa memikirkan soal kebijakan rakyat khususnya kebijakan golongan belia. Isu seperti peluang pekerjaan, pendidikan, ekonomi dan kesihatan juga akan turut terjejas kerana belia dalam keadaan yang tidak pasti tentang kepentingan suara atau pandangan mereka.

#### **4.7 Pendapat Umum Mengenai Pernyataan "Faktor yang Mempengaruhi Persepsi Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik"**

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi persepsi responden terhadap isu sosioekonomi dan politik. Dengan adanya faktor ini akan mempengaruhi pandangan mereka dengan lebih mendalam dan membantu mereka untuk membuat penilaian sendiri. Menurut pendapat umum responden, faktor "Maklumat yang diperoleh dari mulut ke mulut perlu dinilai semula dengan berhati-hati kerana dibimbangi akan memberi kesan negatif" menjadi pilihan tertinggi mereka. Hal ini adalah kerana penyampaian dari mulut ke mulut merupakan satu bentuk penyampaian maklumat tanpa lapisan kebenaran dan bersifat emosional. Maklumat yang diperoleh mungkin benar atau merupakan satu fitnah yang bertujuan untuk menjatuhkan seseorang individu. Segelintir individu juga akan menyampaikan maklumat secara berlebihan dan menokok tambah cerita bagi menarik perhatian orang ramai terhadap maklumat tersebut. Kesedaran belia terhadap kepentingan untuk menilai semula maklumat yang diperoleh dengan cara ini melambangkan tahap kematangan mereka. Jika mereka tidak melakukan proses penilaian semula, maka banyak perkara negatif yang akan berlaku dan belia gagal membuat keputusan yang tepat untuk negara.

JADUAL 3. Pendapat umum mengenai pernyataan “Faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap isu sosioekonomi dan politik” (Peratus)

<b>Bil.</b>	<b>Faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap isu sosioekonomi dan politik</b>	<b>Setuju</b>	<b>Tidak setuju</b>	<b>Tidak pasti</b>
1.	Maklumat yang diperoleh dari mulut ke mulut perlu dinilai semua dengan berhati-hati kerana dibimbangi akan memberi kesan negatif.	98	2	0
2.	Pihak berkuasa wajar mengambil tindakan tegas terhadap penyebar maklumat palsu atau yang bertujuan menghina pihak lain.	98	0	2
3.	Pembelian media cetak seperti akhbar semakin berkurangan kerana maklumat diperoleh dengan cepat melalui media sosial dan mulut ke mulut.	94	4	2
4.	Setiap individu perlu berhati-hati dalam memberi penerangan isu sosioekonomi dan politik agar penerima maklumat tidak bereaksi negatif.	94	0	6
5.	Pemaparan grafik dan audio yang menarik daripada media sosial berkaitan isu sosioekonomi dan politik menarik minat semua pihak untuk lebih menggunakan media sosial berbanding media lain untuk mendapatkan info.	94	0	6
6.	Maklumat yang diperoleh perlu dipastikan dahulu kesahihannya sebelum disebarluaskan kepada pihak lain.	92	2	6
7.	Maklumat berkaitan isu sosioekonomi dan politik sangat mudah diperoleh melalui media sosial.	90	4	6
8.	Media sosial perlu dikawal pihak berkuasa seketatnya kerana maklumat yang disampaikan boleh mencetuskan provokasi atau ketegangan.	86	8	6

9.	Maklumat yang saya sampaikan kepada pihak lain adalah penting kerana tanggungjawab sosial saya terhadap semua pihak.	80	2	18
10.	Media elektronik masih popular dalam kalangan golongan tua dan tidak celik IT/media sosial untuk mendapatkan maklumat sosioekonomi dan politik.	76	4	20

---

Sumber: Soal selidik 2022

Selain itu, belia turut bersetuju dengan kenyataan “Pihak berkuasa wajar mengambil tindakan tegas terhadap penyebar maklumat palsu atau yang bertujuan menghina pihak lain”. Maklumat palsu yang tersebar membawa impak yang buruk kepada seseorang individu yang terlibat. Impaknya dapat dilihat kerana mampu merosakkan imej individu yang terpalit dengan kontroversi yang sudah tentu tidak benar. Kebanyakan maklumat palsu adalah bertujuan untuk menjatuhkan ahli politik mahupun ingin mengganggu ketenteraman awam. Kenyataan yang berbau hinaan kepada individu turut bukanlah apa yang wajar dipraktikkan oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Maka tidak hairanlah jika belia mahukan tindakan yang lebih tegas kepada penyebar maklumat palsu atau yang bertujuan menghina pihak lain kerana individu ini adalah individu yang tidak bermoral dan membahayakan ketenteraman rakyat Malaysia.

#### **4.8 Pandangan Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik Memberi Kesan Kepada Pilihan Politik Responden**

Hasil analisis kajian yang dijalankan mendapati bahawa 78 peratus responden bersetuju bahawa isu sosioekonomi dan politik memberi kesan kepada pilihan politik mereka di DUN Peramu Jaya, manakala 22 peratus responden lagi berada dalam posisi tidak pasti. Majoriti belia di kawasan DUN Peramu Jaya bersetuju bahawa isu sosioekonomi dan politik akan memberi kesan kepada pilihan politik mereka khususnya pada PRU-15 akan datang. Berdasarkan maklumat daripada kajian lapangan, didapati bahawa golongan ini akan memilih parti politik yang menjaga kepentingan mereka tidak kira segi ekonomi atau kesejahteraan hidup. Pada peringkat umur ini, mereka juga sudah pandai menilai parti politik yang benar-benar ingin membantu rakyat atau yang hanya muhah memegang jawatan tertinggi sahaja. Kaedah penilaian mereka pula adalah menerusi isu sosioekonomi dan politik yang dibangkitkan menerusi media sosial, media cetak dan media elektronik. Peranan media ini juga adalah penting kerana mereka sukar untuk berkomunikasi dengan ahli politik secara bersemuka atau terlibat dengan isu sosioekonomi kerana kebanyakan mereka sedang menyambung pengajian atau baru memasuki alam pekerjaan. Impaknya, isu yang berbangkit akan mempengaruhi mereka dalam proses membuat dan pemberian undi ketika pilihan raya berlangsung. Mereka juga akan memilih wakil daripada parti politik yang menitikberatkan kestabilan isu sosioekonomi dan politik di kawasan responden.

Berdasarkan temu bual dengan Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim (Ketua Lajnah Politik & Pilihan Raya Dewan Pemuda PAS Kawasan Pekan), beliau menyatakan bahawa:

“Untuk kawasan DUN Peramu Jaya, isu sosioekonomi dan politik amat memberi kesan kepada pilihan politik mereka. Kerana apa parti politik, mereka berlumba-lumba untuk menonjolkan kebajikan. Nak-nak musim pandemik, musim banjir, musim anak-anak nak sekolah sekarang ni. Kita rakyat orang muda, kita tengok siapa yang bantu. Bagi bantuan ni bagi bantuan tu. Kalau kerajaan dia banyaklah dana dia, dia bolehlah bagi sebanyak mana. Tapi adapun yang parti yang bukan kerajaan mereka tetap mengumpulkan sumbangan, membuat *crowdfunding* dan sebagainya dan mereka juga cuba membantu. Jadi orang belia nak tengok siapa yang banyak membantu barulah itu yang memberi kesan kepada pilihan raya yang akan datang atau pilihan politik mereka”.

(Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim, 22 Mac 2022)

Responden yang berada dalam posisi tidak pasti pula merasakan bahawa isu sosioekonomi dan politik bukanlah sahaja faktor yang akan memberi kesan kepada pilihan politik mereka. Pilihan mereka juga boleh dipengaruhi oleh rakan sebaya, guru dan ahli keluarga kerana mereka merupakan insan yang paling dekat dengan seseorang individu tersebut. Terdapat juga diantara mereka yang mempunyai kenalan ahli politik yang berjawatan dalam kalangan keluarga. Pendedahan dari kalangan keluarga ini akan memberi kesan kepada pilihan parti mereka disebabkan sentiasa mendengar kebaikan daripada sebelah pihak parti politik sahaja. Kesannya, pilihan politik mereka mungkin tidak akan berubah pada jangka masa yang lama.

#### **4.9 *Pola Sokongan Belia Boleh Mempengaruhi Kemenangan Parti Politik Dalam Pilihan Raya Seterusnya Pembentukan Kerajaan***

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dijalankan, didapati bahawa 80 peratus responden bersetuju bahawa pola sokongan belia boleh mempengaruhi kemenangan parti politik dalam pilihan raya seterusnya pembentukan kerajaan, manakala 20 peratus responden pula memilih kenyataan tidak pasti. Belia di kawasan DUN Peramu Jaya bersetuju bahawa pola sokongan belia akan mempengaruhi kemenangan parti politik dalam pilihan raya seterusnya pembentukan kerajaan disebabkan faktor Undi18 yang baru sahaja dipraktikkan dalam PRU DUN Johor 2022. Seramai 5.8 juta bakal pengundi berumur 18 tahun telah diminta untuk menyemak dan mengemaskini data peribadi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada hujung tahun 2021. Undi18 akan meningkatkan kadar bilangan dan penglibatan belia sehingga mampu memberikan peratusan yang cukup besar mewakili keseluruhan golongan pengundi. Hal ini akan membawa Malaysia kepada satu lembaran baru dalam urusan pentadbiran kempimpinan dan demokrasi tanah air. Undi18 juga merupakan satu dorongan bagi golongan belia untuk turut terlibat dalam melunaskan tanggungjawab sebagai pengundi selain menjadi platform anak muda agar pandangan dan pendapat mereka sentiasa diutamakan oleh kerajaan. Mereka juga yakin bahawa golongan belia mempunyai pengaruh yang besar kerana banyak faktor yang membolehkan mereka saling berhubung mengenai politik termasuklah media sosial dan pertubuhan pergerakan belia di setiap kawasan. Generasi muda juga dalam fasa mereka mahukan perubahan berlaku bagi menjamin keselesaan hidup mereka pada masa akan datang lebih-lebih lagi isu berkaitan pekerjaan dan kemudahan awam. Jika kerajaan gagal memuaskan kemahuan dan keperluan belia maka peluang untuk mereka menang pada PRU akan datang semakin tipis.

Berdasarkan temu bual dengan Sida Tantiana Haji Sariat (Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Pekan & Barisan Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian Pekan), beliau menyatakan bahawa:

“Pola sokongan belia ni sangat penting bagi kita sebab seperti yang kita tahu, pada PRU-14 yang saya cakap tadi kita telah mengalami satu fenomena tsunami anak muda. Mereka *vote for* selain daripada Barisan Nasional dan naiknya Pakatan Harapan untuk memerintah pada ketika itu dan pada PRU-15 sekali lagi kita lihat kerajaan telah menetapkan bahawa umur 18 dah boleh mengundi. Kalau macam dulu umur 21 baru kita boleh mengundi. Sekarang umur 18 kita dah boleh *start* mengundi. Jadi sangat mempengaruhi sebab kita tengok peratusan orang yang keluar mengundi itu akan menjadi lebih tinggi. Jadi memang sangat-sangat terkesan atau sangat-sangat mempengaruhi kemenangan parti politik dalam *the next election*”

(Sida Tantiana Haji Sariat, 22 Mac 2022)

Responden yang memilih kenyataan tidak pasti pula adalah kerana tidak yakin dengan kemampuan belia untuk mempengaruhi kemenangan parti politik dalam pilihan raya seterusnya pembentukan kerajaan. Undi18 merupakan suatu perkara yang baru dan hanya boleh diketahui impaknya pada PRU-15 yang akan datang. Segelintir belia yang kurang arif tentang permainan corak politik enggan melibatkan diri mereka dalam urusan pemilihan kerajaan yang dianggap rumit. Jika tidak dibendung, terdapat kemungkinan bahawa golongan ini tidak akan keluar mengundi pada PRU yang akan datang dan kerajaan tidak lagi akan menitikberatkan belia sebagai golongan yang berpengaruh dalam pilihan raya.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara kesimpulannya, belia merupakan golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan dan sedang mencapai satu fasa kehidupan baru dengan penuh tanggungjawab. Belia merupakan golongan yang paling aktif dalam masyarakat dan bilangan mereka adalah hampir separuh daripada jumlah penduduk di Malaysia. Dengan kemudahan teknologi pada masa kini, adalah amat mustahil untuk para belia untuk tidak terlibat secara langsung dalam isu sosioekonomi dan politik. Belia di kawasan DUN Peramu Jaya juga dilihat sebagai golongan belia yang berpendidikan dan mahukan negara yang lebih membangun. Mereka juga sedar bahawa peranan mereka adalah penting pada PRU-15 yang akan datang dan pilihan parti politik mereka mampu menentukan siapakah yang layak untuk memegang jawatan tertinggi negara.

Sehubungan dengan itu, pandangan golongan belia tidak boleh dipandang enteng kerana peranan mereka adalah amat besar dalam konteks pembangunan. Kerajaan perlu lebih mengetengahkan mereka dalam urusan pentabiran negara dan membentuk satu platform yang lebih formal bagi golongan ini untuk terus aktif menyumbang pandangan mereka. Satu anjakan paradigma juga harus dilakukan bagi menambah kemahiran mereka menerusi latihan sambil bekerja, kursus dan bengkel, ceramah, lawatan sambil belajar dan seminar. Selain kerjasama daripada kerajaan, golongan belia juga harus sedar bahawa tanpa ilmu yang tinggi dan kemahiran hidup mereka tidak dapat membawa negara ke mercu kejayaan pada masa depan.

## Rujukan

- Ain Nadhirah Basha. (2022). Sidang Belia Dewan Negeri Pahang Dapat Ketengah Pemimpin Muda. Pahang Media. 1 Jun. <https://pahangmedia.my/sidang-belia-dewan-negeri-pahang-dapat-ketengah-pemimpin-muda/> [4 Jun 2022].
- Bakker, T. P., & De Vreese, C. H. (2011). Good news for the future? Young people, Internet use, and political participation. *Communication Research* 38(4): 451-470.
- Diana Azis. (2022). Malaysia semakin rosak akibat rasuah berskala besar. Sinar Harian Online. 9 April. <https://www.sinarharian.com.my/article/197069/BERITA/Nasional/Malaysia-semakin-rosak-akibat-rasuah-berskala-besar> [9 Jun 2022].
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2008 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 220-232.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2012). Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* 7(12): 136-156.
- Keating, A., & Melis, G. (2017). Social media and youth political engagement: Preaching to the converted or providing a new voice for youth?. *The British Journal of Politics and International Relations* 19(4): 877-894.
- Khalida Najwa Khairuddin. (2021). Keperluan pengundi untuk mengundi di kawasan tempat bekerja: Kajian kes di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tras, Raub, Pahang. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kann, M.E., Berry, J., Gant, C. & Zager, P. (2007). *The Internet and Youth Political Participation*. First Monday.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Novel Lyndon, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir & Ahi Sarok. (2012). Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 8(8).
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2019). Persaingan PRU ke-14 di Pahang Pengekalan status quo melalui pertembungan tiga penjuru. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 122-136.
- Noor Amira Syazwani AR, Mohd Rozaimy R & Sharifah Syahirah SS. (2012). Persepsi Golongan Belia Mengenai Personaliti, Pentadbiran dan Dasar Najib Tun Razak. *In Bangi: Proceeding The 8th Malaysian Studies Conference*.
- Nor Shafika Johari. 2018. Politik Pilihan Raya dalam PRU-14 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (N.10) Damak, Jerantut, Pahang Darul Makmur. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Izzatie Wahab. (2019). Gelagat politik dalam Pilihan Raya Umum ke-14, 2018: Kajian kes di kawasan DUN (N.36) Pelangai, Bentong, Pahang Darul Makmur. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sida Tantiana Haji Sariat (Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Pekan & Barisan Jawatankuasa Puteri UMNO Bahagian Pekan). (2022). Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi Dan Politik Di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. Temu bual, 22 Mac.

Ustaz Abdul Rahman Abu Kassim (Ketua Lajnah Politik & Pilihan Raya Dewan Pemuda PAS Kawasan Pekan). (2022). Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi Dan Politik Di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. Temu bual, 22 Mac.